



Tahap Semasa Celik Kewangan di Malaysia

- Rakyat Malaysia memiliki tahap keyakinan yang rendah terhadap pengetahuan kewangan mereka sendiri. 1 daripada 3 rakyat Malaysia merasakan mereka mempunyai pengetahuan kewangan yang rendah.
- 75% daripada rakyat Malaysia memahami bahawa inflasi bermaksud peningkatan kos sara hidup, tetapi hanya 38% dapat mengaitkan kesan inflasi kepada kuasa membeli mereka.
- 43% daripada rakyat Malaysia memahami bahawa wang bertambah pada asas kompaun mengikut peredaran masa.
- 1 daripada 10 rakyat Malaysia mempercayai bahawa mereka tidak berdisiplin dalam mengurus kewangan mereka.
- 84% daripada rakyat Malaysia mendakwa mereka menyimpan secara tetap hanya untuk jangka masa terdekat, iaitu simpanan tersebut kebiasaannya dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan harian.
- 76% daripada rakyat Malaysia mempunyai belanjawan untuk berbelanja, tetapi 2 daripada 5 menghadapi kesukaran untuk mengikutinya.
- 3 daripada 10 orang dewasa di Malaysia yang bekerja perlu meminjam wang untuk membeli barangan keperluan asas.
- 1 daripada 5 orang dewasa di Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya.
- 52% daripada rakyat Malaysia berasa sukar untuk menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.

Sumber: Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023

